

MANDAT: HURAIAN DR. M

INTIKATA

'Kami perlu kepastian rakyat menyokong apa yang kami telah buat'

BH 31 MAR 1982

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan hari ini bahawa pilihanraya diadakan pada bulan April ini kerana kerajaan beliau menghendaki mandat dari rakyat supaya dapat meneruskan cara-cara baru di dalam pelaksanaan dasar-dasarnya.

"Kami perlukan mandat daripada rakyat — perlukan kepastian bahawa rakyat menyokong apa yang

jaan, sedangkan dahulu beliau pernah berkata bahawa kerajaan beliau meminta rakyat memberi tempoh setahun sebelum menilai usaha-usaha dan pencapaiannya.

Lebih lanjut beliau menjelaskan bahawa mungkin beliau lebih suka jika pilihanraya diadakan pada tahun 1983, umpamanya, tetapi ini bermakna beberapa lama lagi setiap yang dilakukan akan ditimbangkan berhubung dengan kesannya kepada pilihanraya.

"Kami hendak men-

hari Khamis dan bukan hari Sabtu seperti biasa, beliau tersenyum dan menjawab: "Untuk beri frustrated wartawan-wartawan semua."

Secara serius beliau menyambung bahawa ini adalah suatu "eksperimen", kerana selama ini apabila pilihanraya diadakan pada hari Sabtu, orang-orang di lima buah negeri di mana hari Sabtu ialah hari bekerja telah menghadapi kesusahan.

Kemudahan

Kemungkinan yang dipertimbangkan ialah

taan ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan bahawa mengadakan pilihanraya pada hari Khamis sama sekali tidak membayangkan niat kerajaan hendak mengubah hari-hari cuti hujung minggu di setengah-setengah negeri di Malaysia supaya seluruh negara sama-sama bercuti pada hari Khamis dan Jumaat.

"Spekulasi begini tidak betul," kata beliau. "Kami telah pun memutuskan bahawa hari-hari cuti hujung minggu akan diteruskan seperti yang ada

ngunan yang memberi kekuatan dan keupayaan mempertahankan diri.

"Pembangunan material juga disuruh oleh agama, di samping pembangunan rohaniah, supaya umat Islam kuat seperti di zaman kegemilangan Islam dahulu. Tidak perlu mengemis kepada siapa pun".

Di dalam hubungan ini juga beliau menegaskan kemajuan wanita di negara ini tidaklah bercanggah dengan Islam malah memang mengikut suruhan Islam.

kami telah buat.

"Selepas mendapat mandat itu, bolehlah kami menumpukan minat kepada usaha-usaha susulan kepada apa yang telah kami mulakan setakat ini," tambah Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian di dalam suatu wawancara dengan wartawan-wartawan di dalam rancangan Hal Ehwal Semasa di televisyen malam ini.

Penerangan itu diberi sebagai jawapan kepada suatu soalan mengapa beliau mengadakan pilihanraya sebelum cukup setahun beliau memegang teraju kera-

dapat mandat awal, supaya kami dapat memusatkan fikiran kepada usaha-usaha membina masyarakat kita bersama," ujar beliau.

Beliau menegaskan bahawa ada beberapa sebab pilihanraya tidak boleh diadakan pada masa-masa lain di dalam tahun ini. Masa-masa itu ialah bulan puasa, Hari Raya, dan tidak boleh pula terlalu dekat dengan Hari Kebangsaan.

"Itulah pihak akhbar senang saja dapat meneka bulan April," kata beliau.

Apabila ditanya mengapa diadakan pada

bahawa jika diadakan pada hari Khamis, ini akan memudahkan orang-orang ini mengundi sementara itu orang-orang di lain-lain negeri di Malaysia tidak pula dijangka menemui kesusahan mengundi kerana kebanyakan mereka bekerja agak dekat dengan kawasan mengundi dan boleh meminta cuti sekejap untuk membuang undi mereka.

Beliau mengulang bahawa ini hanya suatu eksperimen dan jika didapati lebih berkesan akan diteruskan.

Menjawab soalan yang menyusul kenya-

sekarang — iaitu Khamis dan Jumaat bagi setengah-setengah negeri, Sabtu dan Ahad bagi negeri-negeri lain. Soal mengubahnya tidak timbul langsung."

Mengulas tuduhan setengah-setengah pihak bahawa pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan sekarang adalah bertentangan dengan Islam, beliau berkata itu tidak benar, malahan pembangunan demikian disuruh oleh Islam.

"Lihatlah apa yang berlaku kepada suatu negara Islam apabila berperang dengan Yahudi. Terpaksa memintaminta ke sana ke mari kerana tidak ada pemba-

"Di antara 14 juta rakyat Malaysia, katalah kira-kira tujuh juta umat Islam. Jika ditolak peranan dan sumbangan wanita kepada negara, dikatakan wanita-wanita semua tidak harus bekerja dan mengambil bahagian di dalam pembangunan, tinggalah separuh saja, tiga juta setengah, umat Islam yang menyumbang penuh kepada negara. Jika ditolak orang tua-tua dan kanak-kanak pula, akan berkurangnya lagi. Ini bermakna umat Islam akan lemah sekali.

"Peranan dan sumbangan wanita di negara ini memang sejajar dengan suruhan Islam. Di zaman Nabi dahulu pun ada wanita-wanita Islam menolong lelaki berperang. Di mana sahaja wanita berkebolehan, mereka dikehendaki memberi khidmat dan sumbangan."

Tentang seruan beliau supaya tidak lagi mendewa-dewakan Barat dan mulai memandang ke Timur, beliau berkata ini memang sudah beliau fikirkan lama dahulu, sejak di bangku sekolah, dan bukanlah reaksi serta-merta seperti sangkaan setengah-setengah pihak.

"Kalau nak tahu bagaimana kita berat ke Barat, lihatlah sahaja bilangan pelajar kita, 49,000 di negara-negara Barat. Di negara-negara Timur cuma beberapa ratus sahaja".